



**SOALAN LAZIM (FAQ)
SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
(PKP 2.0) MULAI 13 JANUARI 2021
BAHAGIAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
(UNIT PEMBANGUNAN KELUARGA)
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG**

1. Sebelum diumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP 2.0), saya telah mendaftar secara online untuk menghadiri Temuduga Khas menerusi website emunakahat.penang.gov.my. Tarikh Temuduga Khas saya ialah pada 16 Januari 2021 (Sabtu). Soalan saya, adakah Temuduga Khas diadakan seperti biasa sepanjang tempoh PKP?

Jawapan: Temuduga Khas ditangguhkan sepanjang tempoh PKP.

2. Pasangan saya berasal daripada Kedah dan ingin mengikuti Temuduga Khas di Pulau Pinang. Adakah rentas negeri dibenarkan sepanjang tempoh PKP?

Jawapan: Rentas negeri mahupun daerah tidak dibenarkan sepanjang tempoh PKP.

3. Saya mempunyai kemusykilan mengenai Kursus Praperkahwinan Islam (Temuduga Khas). Apakah nombor yang boleh dihubungi?

Jawapan: Saudara/i boleh menghubungi Pejabat Agama Daerah (PAD) mengikut kawasan seperti berikut:-

Barat Daya – 04-8668525

Timur Laut – 04-2612979

Seberang Perai Tengah – 04-5386451

Seberang Perai Utara (Butterworth) – 04-3511521

Seberang Perai Utara (Kepala Batas) – 04-5751182

Seberang Perai Selatan – 04-5821001

4. Sepatutnya minggu hadapan saya mengikuti Temuduga Khas dan pembayaran telah dibuat di Pejabat Agama Daerah. Adakah saya boleh menukar Tarikh Temuduga Khas setelah tamat PKP?

Jawapan: Ya, boleh. Saudara/i boleh menukar tarikh Temuduga Khas setelah tamat PKP.

5. Di manakah saya boleh merujuk jadual Kursus Praperkahwinan Islam (Temuduga Khas)?

Jawapan: Saudara/i boleh merujuk jadual menerusi website emunakahat.penang.gov.my.

6. Semasa membuat permohonan kebenaran berkahwin, adakah Sijil Kursus Praperkahwinan Islam perlu dicop? Saya sudah mempunyai sijil yang telah dilaminate. Perlukah saya mengambil semula kursus atau menghadiri semula Temuduga Khas?

Jawapan: Sijil Kursus Praperkahwinan Islam bagi pemohon lelaki dan perempuan akan dicop bagi menunjukkan sijil kursus tersebut telah digunakan. Bagi sijil kursus yang telah dilaminate, pihak jabatan akan memotong sebahagian daripada sijil bagi menggantikan cop. Saudara/i tidak perlu mengikuti kursus atau Temuduga Khas yang baru.

7. Pada asalnya saya dan pasangan telah mendaftar tarikh Temuduga Khas pada bulan ini dan merancang untuk berkahwin pada bulan berikutnya. Saya dan pasangan berasa bimbang dengan keadaan PKP yang mungkin akan berlarutan sehingga 2 hingga 3 bulan berdasarkan pengalaman PKP yang lalu. Apakah tindakan yang perlu saya dan pasangan lakukan?

Jawapan: Oleh kerana keadaan yang tidak menentu, saudara/i perlu merancang tarikh perkahwinan sebaik-baiknya agar Majlis Akad Nikah dapat dilangsungkan dengan lancar.

8. Saya merupakan OKU penglihatan dan merancang untuk mendirikan rumahtangga bersama pasangan saya OKU pendengaran. Adakah saya dan pasangan perlu menghadiri Kursus Praperkahwinan Islam @ Temuduga Khas?

Jawapan: JAKIM telah memberi kelonggaran dan mengecualikan pasangan OKU pendengaran, penglihatan dan cacat anggota yang menyebabkan ketidakupayaan daripada menghadiri kursus atau Temuduga Khas.

9. Saya berumur 50 tahun. Adakah saya perlu menghadiri Kursus Praperkahwinan Islam atau Temuduga Khas?

Jawapan: Calon yang berumur 45 tahun ke atas dikecualikan daripada mengikuti Kursus Praperkahwinan Islam atau Temuduga Khas. Sekiranya mereka ingin mengikuti kursus atau temuduga, pihak jabatan amat mengalu-alukannya dalam mendalami ilmu rumahtangga.

10. Saya berasal daripada Pulau Pinang. Manakala pasangan saya berasal dari Belanda. Adakah pasangan saya perlu mengikuti Kursus Praperkahwinan Islam atau Temuduga Khas?

Jawapan: Kursus Praperkahwinan Islam atau Temuduga Khas hanya terbuka kepada warganegara Malaysia sahaja. Pasangan saudara/i tidak perlu menghadirinya.

11. Pasangan saya merupakan seorang janda/duda. Adakah pasangan saya perlu mengikuti Kursus Praperkahwinan Islam atau Temuduga Khas?

Jawapan: Kursus Praperkahwinan Islam atau Temuduga Khas hanya terbuka kepada calon yang baru hendak mendirikan rumahtangga buat pertama kalinya. Pasangan saudara/i tidak perlu menghadiri kursus atau temuduga.